

# Suara ePerolehan



## Sijil Virtual eP Memenangi Anugerah eWorld 2011

### Antara Menarik Di Dalam:

- *Asia & Pacific Regional Conference On Electronic Government Procurement*
- Modul Perancangan Perolehan
- Jamuan Hari Raya dan program "Team Building"

### Disember | 2011

Untuk Edaran Dalam Sahaja

## eWORLD 2011 AWARDS

Honoring innovative ICT initiatives in Governance & Health

eGovernance :: eHealth

ICT Initiatives empowering Millennium Development Goals



# isi kandungan

- 1 Sijil *Virtual* Telah Memenangi *eWorld Awards 2011*
- 2 *Asia & Pacific Regional Conference On Electronic Government Procurement*
- 4 Modul Perancangan Perolehan
- 5 Latihan Penambahbaikan Rangkaian Infra ePerolehan
- 6 Jamuan Hari Raya ePerolehan dan Commerce Dot Com
- 8 Program "*Team Building*" Menyemarakkan Semangat Antara Unit eP dan CDCSB
- 9 Sudut Kesihatan



## SIDANG REDAKSI SUARA ePEROLEHAN

|                     |  |                        |  |
|---------------------|--|------------------------|--|
| Penasihat Eksekutif | Dato' Abd. Shukor Ibrahim  | Fotografi              | Abd. Rahman Yusof  |
| Penolong Penasihat  | Hajah Nor' Aini Abdul Razak  | Sekretariat Penerbitan | Nurshafina binti Mohd Yusoff<br>Muallif Shahrel<br>Salinawati Sani |
| Editor Bersama      | Wan Siti Eshah Wan Ahmad<br>Hafidz Ahmad Zehnun                        | Komunikasi Korporat    | Lilian Ang   |
| Penolong Editor     | Muhammad Azlan Zakaria   | Direka & Dicitak oleh  | Graphite Graphics  |
| Penulis             | Nurshafina binti Mohd Yusoff<br>Muallif Shahrel                        |                        |  |
| Kreatif             | Hafidz Ahmad Zehnun<br>Salinawati Sani<br>Muhamad Effendi Abdul Rahman |                        |  |



Unit ePerolehan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
[www.uniteperolehan.gov.my](http://www.uniteperolehan.gov.my)



eperolehan  
[www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)

commercedotcom  
enabling e-commerce, connecting communities

Pembangunan dan Pengurusan Sistem  
[www.commercedc.com.my](http://www.commercedc.com.my)

Alamat Surat-menyurat :  
Commerce Dot Com Sdn. Bhd.  
Tingkat 4, Wisma AMTEK, Jalan Tandang  
46000 Petaling Jaya, Selangor.

Emel : [editor\\_suaraeP@commercedc.com.my](mailto:editor_suaraeP@commercedc.com.my)  
Tel : 03-7985 7777

2011 CDSB. Hak Cipta Terpelihara

# Sijil *Virtual* Telah Memenangi *eWorld Awards 2011*

Centre for Science, Development and Media Studies (CSDMS) dan Elets Technomedia Private Limited dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat serta Bahagian Sains Teknologi, Kerajaan India telah menganjurkan *eWorld Awards 2011*. Penyertaan terbuka kepada Kerajaan, organisasi bukan Kerajaan, organisasi pembangunan *bi-lateral* dan *multi-lateral*, institusi swasta atau *enterprise*. Pertandingan ini yang terbahagi kepada 2 iaitu *eWorld Public Choice Award* dan *eWorld Jury Choice Award*. Antara objektif anugerah ini adalah untuk mengenal pasti dan mempromosi projek-projek inovasi dalam sektor yang berlainan dari pelbagai negara serta menggalakkan ketua-ketua institusi menggunakan bantuan ICT dalam pembangunan serta projek *governance*.



Kementerian Kewangan telah menyertai kategori *Best Practices in Electronic Delivery Services (EDS)* bagi projek Sijil *Virtual* untuk Pendaftaran Pembekal. Sebanyak 150 pencalonan telah diterima bagi semua kategori manakala sebanyak 2 juta undian dari 90,000 pengundi terlibat di seluruh dunia. Bagi kategori EDS, sebanyak 3 projek dari 2 negara telah disenarai pendek iaitu projek Sijil *Virtual* dari Malaysia dan *e-Housing* serta *e-dhaRani* dari India.

Hasil daripada penyertaan tersebut, Kerajaan Malaysia telah dianugerahkan *Best International Awards 2011* bagi *eWorld Awards 2011* dalam kategori *Initiative in Electronic Delivery of Services (EDS)*.



# Asia & Pacific Regional Conference On Electronic Government Procurement Di Bali Pada 22 Hingga 24 November 2011 Anjuran Asian Development Bank (ADB)



Pn. Noraini Abdul Razak selaku ketua delegasi Kementerian Kewangan Malaysia

ADB menganjurkan *Asia And Pacific Regional Conference On e-GP* dengan kerjasama Kerajaan Indonesia pada 22 hingga 24 November 2011 di Bali. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 250 peserta dari 27 buah negara di rantau Asia Pasifik. Kementerian Kewangan Malaysia menghantar empat (4) wakil dan turut disertai oleh tiga (3) wakil syarikat Commerce Dot Com Sdn. Bhd. (CDCSB).

Sebanyak 39 kertas kerja telah dibentangkan dalam 8 sesi mengikut kategori-kategori tertentu seperti faedah, peraturan dan kaedah, fungsi dan integrasi, *business model*, pelan tindakan dan peranan badan-badan kerjasama pembangunan oleh wakil negara-negara Asia Pasifik seperti Jepun, China, Korea Selatan, India dan Mongolia.



En. Kumaresan a/l Karuppiyah wakil Kementerian Kewangan Malaysia membentangkan kertas kerja.

Kementerian Kewangan Malaysia telah membentangkan dua (2) kertas kerja iaitu:

- i. *Regulatory and Institutional Framework for e-GP: The Malaysian Experience*; dan
- ii. *Using e-GP as Performance Tool To Improve Public Procurement At The Organizational Level: The Malaysian Experience*.

Soal selidik yang dijalankan oleh ADB mendapati projek eP Malaysia adalah antara negara yang mendapat ranking tertinggi iaitu 1.1 mata di dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan elektronik di rantau Asia Pasifik. Sebanyak 27 negara telah mengambil bahagian di dalam soal selidik mengenai sistem perolehan Kerajaan elektronik. Kiraan mata secara matrik tersebut meliputi aspek kandungan, pelaksanaan dan prestasi penggunaan sistem mengikut negara masing-masing.

Hampir 15 negara mempunyai pengalaman lebih daripada 5 tahun dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan elektronik termasuk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, didapati hanya dua (2) negara yang mempunyai pengalaman lebih 10 tahun iaitu Korea Selatan dan Malaysia. Dari segi pelaksanaan pula, hanya Malaysia mempunyai skop yang lebih meluas (*Decentralize*) kepada lebih 2,500 Agensi Kerajaan. Projek eP juga adalah antara projek yang lengkap dari segi modul untuk melaksanakan perolehan Kerajaan secara elektronik sepenuhnya. Projek ePerolehan mendapat maklum balas positif daripada banyak negara untuk mempelajari pengalaman pelaksanaannya di Malaysia.



Delegasi Malaysia bersama urusetia penganjur ADB

# Modul Perancangan Perolehan



Perancangan perolehan merupakan aspek paling asas dan penting dalam pengurusan perolehan Kerajaan. Agensi Kerajaan perlu mewujudkan perancangan perolehan yang teratur bagi memastikan semua perolehan yang dilakukan adalah berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dan mematuhi prinsip-prinsip perolehan. Dalam mencapai hasrat Kerajaan ini, Unit ePerolehan, Kementerian Kewangan akan memperkenalkan Modul Perancangan Perolehan tidak lama lagi sebagai salah satu bentuk kawalan dan pemantauan terhadap perolehan yang dilakukan. Modul ini sedang dibangunkan dan dijangka akan dilaksanakan secara perintis (pilot) pada bulan Mac tahun 2012 di empat (4) Kementerian.

Modul ini memberi kemudahan kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan perancangan perolehan secara atas talian yang lebih sistematik. Kecekapan proses pemantauan terhadap pelaksanaan perolehan di agensi turut dapat dipertingkatkan melalui laporan-laporan yang disediakan. Selain daripada itu, agensi juga dapat merancang perolehan bagi mematuhi Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 7 April 2009, iaitu "Pelaksanaan Sekurang-kurangnya 70% perolehan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan" berdasarkan status transaksi yang boleh dijana melalui Modul Perancangan Perolehan.

Di antara objektif modul ini adalah seperti berikut :

- memastikan perolehan Kerajaan dirancang dengan teliti dan mempunyai jadual pelan tindakan untuk mengelakkan pembaziran;
- memastikan usaha perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan *Christmas Shopping* di penghujung tahun; dan
- mengoptimumkan peruntukan yang diluluskan dan mengelakkan shortfall ke atas prestasi perbelanjaan tahunan agensi;

# Latihan Penambahbaikan Rangkaian Infra ePerolehan


Commerce Dot Com dan Unit eP telah menjalankan latihan penambahbaikan ke atas infrastruktur sistem dan pemrosesan ePerolehan. Penambahbaikan ini melibatkan 2 lokasi Pusat Data (*Data Centre*) ePerolehan di Netmyne, Cyberjaya dan Pusat Pemulihan Data (*Data Recovery Centre*) di Bukit Jelutong.

Penambahbaikan ini merangkumi peningkatan kepada rangkaian dan infrastruktur keselamatan seperti *firewall*, *switches* dan *IPS*. Penambahbaikan rangkaian infrastruktur ePerolehan ini mampu menjamin rangkaian keselamatan yang lebih kukuh di samping meningkatkan prestasi sistem. Kebolehsediaan server di kesemua Pusat Data dan Pusat Pemulihan Data ePerolehan turut ditingkatkan bagi untuk menghadapi krisis seperti kegagalan rangkaian sekiranya ia berlaku.

Commerce Dot Com bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan *hosting facility* bertaraf dunia dan rangkaian infrastruktur yang mampu membantu pengguna menggunakan sistem ePerolehan dengan mudah. Buat masa kini, portal ePerolehan boleh menerima lebih 100,000 transaksi dalam sebulan dengan anggaran purata nilai perolehan sehingga RM1.8 bilion.



Gambar diatas & dibawah: Unit ep dan Commerce Dot Com membuat pemeriksaan teliti sepanjang latihan berlangsung.



# Jamuan Hari Raya ePerolehan dan Commerce Dot Com



YBhg. Datuk Norzirah diiringi oleh Dato' Abd. Shukor dan Syed Azmin.

Majlis jamuan Hari Raya anjuran bersama ePerolehan dan Commerce Dot Com Sdn Bhd telah berlangsung dengan jayanya pada 27 September bersamaan 29 Syawal yang lalu di Dewan Sri Endon, Puspanitapuri, Presint 10 Putrajaya. Dihadiri oleh lebih 1,000 orang yang terdiri daripada para pengguna ePerolehan di peringkat Kementerian dan Jabatan.



YBhg. Dato' Zalekha memasuki dewan jamuan.

Majlis juga diserikan dengan kehadiran tetamu terhormat iaitu:

1. Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan, Datuk Norzirah Bahari;
2. Penasihat Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan, Dato' Zalekha Hassan,
3. Pengarah Projek ePerolehan, Dato' Abd. Shukor Ibrahim; dan
4. Pengerusi Puncak Semangat Group, Syed Azmin Syed Nor.



Pelbagai juadah enak disediakan buat santapan para hadirin termasuk hidangan tradisional dan kontemporari seperti lemang, rendang, ketupat dan kuah kacang, sate, soto, laksa dan banyak lagi.

Kemeriahan jelas dirasai apabila para hadirin saling berbual mesra dan bertukar fikiran. Semoga hubungan erat yang terjalin ini berkekalan selamanya.



Majlis lebih meriah dengan kehadiran YBhg. Datuk Norzirah.



Tetamu mengambil juadah disediakan.



Gambar atas dan bawah: Antara petugas jamuan tersebut.



# Program "Team Building" Menyemarakkan Semangat Antara Unit eP dan CDCSB

Program "Team Building" telah diadakan pada 14 – 16 Oktober lalu di Pulau Langkawi, Kedah. Seramai hampir 60 orang telah terlibat dalam program tersebut.

Program telah dirasmikan oleh Pengarah Projek ePerolehan, Dato' Abd. Shukor Ibrahim. Di dalam ucapan perasmianya, beliau berharap para peserta dapat menimba sebanyak ilmu yang boleh daripada program yang dijalankan itu supaya hubungan erat kedua-dua organisasi dapat diperkukuhkan lagi.

Antara modul-modul yang diterapkan dalam program tersebut adalah motivasi, kepimpinan, pengurusan tekanan dan kerohanian. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada aspek kecergasan fizikal melalui aktiviti senaman yang dijalankan pada sepanjang tempoh program.

Suasana ceria yang diterapkan oleh pihak pengendali program membuatkan para peserta dengan mudah memberi kerjasama mereka untuk menjayakan setiap modul yang dilalui.

Pada hari terakhir program, para pelatih dan peserta yang terlibat memberi penilaian keberkesanan program yang mereka lalui. Dato' Abd. Shukor berpendapat, program tersebut Berjaya mencapai objektif untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang perihal pentingnya 'semangat kerja berpasukan' untuk mengatasi segala cabaran dalam pelaksanaan ePerolehan



Sekitar aktiviti "Team Building" Unit eP & CDCSB.



## Pengurusan *Stress* di tempat kerja

*Stress* atau tekanan perasaan adalah tindak balas tubuh seseorang dalam menghadapi pelbagai cabaran dan tuntutan dalam kehidupan. Tuntutan dan cabaran tersebut mungkin merupakan perkara-perkara yang datang dari luar, atau mungkin juga datang dari fikiran diri sendiri (misalnya: bagaimana penilaian terhadap diri sendiri). *Stress* seringkali digambarkan sebagai sesuatu perkara yang buruk. Namun dari perspektif lain, sesungguhnya setiap orang memerlukan sedikit tekanan agar mereka memiliki hidup yang lebih baik.

### Gejala *Stress*

8 gejala atau tanda-tanda *stress* di tempat kerja yang dapat disimpulkan iaitu:

- a) Prestasi kerja menurun.
- b) Semangat dan tenaga untuk bekerja menurun.
- c) Komunikasi dengan orang lain terganggu.
- d) Murung.
- e) Cepat naik angin atau marah-marah.
- f) Kurang potensi pemikiran yang bersifat kreatif dan kritis.
- g) Mengambil keputusan secara mendadak.
- h) Melakukan perkara selain kerja seharian seperti melepak.

### Cara Mengatasi

3 pendekatan yang dapat dipraktikkan untuk mengatasi *stress* di tempat kerja iaitu:

#### a) Pendekatan Rohani.

- Solat dengan khusyuk.  
Daripada Abdullah bin Umar r.a. daripada Nabi s.a.w. bahawa pada suatu hari baginda menyebut tentang solat lalu baginda bersabda, yang bermaksud:

"Sesiapa yang memelihara solat, nescaya solatnya menjadi nur untuknya, ketandaan (iman) dan kelepasan (dari neraka) pada hari kiamat. Sebaliknya sesiapa yang tidak memeliharanya nescaya tiada nur baginya, ketandaan dan kelepasan. Malahan dia adalah (dikumpulkan dalam neraka yang paling panas sekali) bersama Qarun, Fir'aun, Haman dan Ubai bin Khalaf."  
(Hadis riwayat Ahmad, at-Tabrani dan Ibnu Hibban).

- Bacalah Al- Quran kerana sesungguhnya Al-Quran adalah penawar bagi hati.  
Firman Allah bermaksud:

"Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al-Quran, ataukah hati mereka terkunci?"  
(Surah Muhammad: Ayat 24)

- Sentiasa senyum.  
Dari Abu Dzar ra., Rasulullah SAW bersabda:

"Engkau tersenyum di depan saudaramu adalah sedekah"  
(Riwayat Bukhari dari Kitabul Adab)

- Bersendirian/ bermuhasabah diri.  
Hadis Qudsi yg bermaksud, "Barangsiapa yang tidak redha dengan qadha'Ku (ALLAH), dan tidak bersyukur dengan pemberianKu, dan tidak sabar dengan ujianKu, maka carilah Tuhan selainKu."

- Sentiasa berzikir.  
"(laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah! Dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia."  
(Surah: Ar-Raad: Ayat 28)

"Ketahuilah dengan menyebut nama Allah itu dapat menenangkan hati."  
(Surah Ar-Ra'adu : Ayat 28)

- Berkasih sayang.  
Hadis yang diriwayatkan oleh Muaz dari Rasulullah S.A.W baginda bersabda:

"Allah Azzawajalla berfirman: orang-orang yang berkasih sayang kerana kemuliaanku, mereka mempunyai beberapa mimbar dari cahaya, para nabi dan shuhada yang menyukai mereka "  
(Riwayat AtTarmizi)

Waallahu'lam.....

(Dipetik dari sumber: [www.ukm.my](http://www.ukm.my))

## b) Pendekatan Fizikal

- Tarik nafas dan bertenang.
- Bersenam.
- Mengurut.
- Hobi.
- Berehat sebentar.

## c) Pendekatan Individu/Organisasi

- Meluangkan masa bersama keluarga (bercuti).
- Berbincang bersama isteri atau suami, teman, rakan sekerja, ketua jabatan, atau keluarga.
- Berjumpa kaunselor, ustaz atau ustazah, atau doktor untuk mendapatkan nasihat.

